

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI KELANTAN
=====**AKTIVITI-AKTIVITI UNTUK KANAK-KANAK**

Mulai dari bulan April 1984, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan telah pun menjalankan pelbagai aktiviti untuk kanak-kanak pada tiap-tiap hari Sabtu dari pukul 10.30 pagi hingga 12.30 tengahari. Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan telah bernasib baik kerana memperolehi seorang pegawai ikhtisas sementara untuk mengurus pelaksanaan aktiviti-aktiviti dengan jayanya. Sambutan dari kanak-kanak dan juga ibu-bapa sungguh menggalakkan. Antara rancangan-rancangan atau aktiviti yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) Mari Bercerita dan juga mengadakan pertandingannya;
- (ii) Mari Melukis;
- (iii) Mari Membaca;
- (iv) Mari Membuat kerjatangan;
- (v) Mari Menyanyi;
- (vi) Mari Mengarang;
- (vii) Mari Berbalas Pantun;
- (viii) Mari Membaca Sajak;
- (ix) Mari Menduga Akal;
- (x) Mari Berteka-Teki dll.

PENGASINGAN TEMPAT DUDUK LELAKI DAN PEREMPUAN

Mulai dari 2hb. Mei, 1984 pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan telah menerima arahan dari Yang Berhormat Dato' Pengerusi supaya tempat duduk untuk pembaca lelaki dan perempuan diasingkan untuk tingkat 1 dan 2. Begitu juga dengan tempat membaca akhbar dan majalah, telah pun diasingkan. Pengasingan tempat duduk pembaca lelaki dan perempuan diadakan adalah bagi mengelak daripada penyalahgunaan perpustakaan oleh pembaca memandangkan telah berlaku penyelewengan-penyelewengan

sebelum ini. Sejak pengasingan diadakan, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan belum lagi menerima apa-apa bantahan atau rungutan dari pembaca.

LAWATAN

Pada 28hb. dan 29hb. Mei, 1984 bersempena dengan Mesyuarat Ahli Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Cik Asma Ahmat, wakil dari Perpustakaan Negara Malaysia telah membuat lawatan singkat ke Perpustakaan Awam Majlis Daerah Bachok dan Perpustakaan Rakyat Pasir Mas.

LATIHAN PRAKTIK

Mulai 4hb. Jun hingga lhb. September, 1984 pihak perpustakaan telah menerima 3 orang pelajar dari Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat Instituti Teknologi Mara untuk menjalani latihan praktik selama 3 bulan. Mereka-mereka adalah terdiri dari Cik Fadhilah Aini Mohd. Yusof, Cik Nazariah Ahmad dan Cik Rohani Mat.

KOLEKSI KELANTAN

Perpustakaan Awam ini telah menyediakan satu bilek khas untuk menyimpan bahan-bahan mengenai Negeri Kelantan. Koleksi tersebut meliputi buku-buku, majalah, rencana dan cerpen dari pelbagai majalah, keratan akhbar yang difailkan, juga buku-buku yang dihadiahkan oleh orang ramai. Pihak kami ingin mencuba untuk mendapatkan salinan-salinan tesis oleh pelajar-pelajar yang berasal dari Kelantan ataupun tesis yang ada kaitan dengan Negeri Kelantan dari institusi-institusi Pengajian Tinggi tetapi buat masa ini pihak-pihak tertentu belum lagi memberi apa-apa jawapan pun. Adalah diharapkan semuga pihak-pihak yang berkenaan dapat memberi kerjasama yang sewajarnya bagi mengemaskini Koleksi Kelantan.